

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 OKTOBER 2016 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	71 research products commercialised in line with MCY'16 – MOSTI	BERNAMA
2.	Mosti aims to increase commercialisation of locally made products to 15%	The Sun
3.	71 Produk penyelidikan dikomersialkan sempena MCY'16	BERNAMA
4.	Produk Inovasi	Harian Metro
5.	71 produk tempatan dikomersialkan sehingga Sept	Utusan Malaysia
6.	71 produk R&D tempatan dikomersialkan sehingga kimi	KOSMO
7.	MBPJ holds event to combat cyber bullying	The Star
8.	Kenali teknologi angkasa	KOSMO



71 Research Products Commercialised In Line With MCY'16 - MOSTI



KUALA LUMPUR, Oct 6 (Bernama) -- A total of 71 local research products under the TechnoFund have successfully being commercialised, as of September this year, in line with the Malaysia Commercialisation Year 2016 (MCY'16).

TechnoFund is a grant scheme provided under the **Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)**.

Deputy Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohammad Diah said the achievement had surpassed the original target of 60 products for 2016 and MCY was on the right track.

He spoke to reporters after launching three MOSTI research products at MOSTI's pavillion at the International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia (IGEM) here today.

"MCY'16 is a string of MCY 2014, which targets the commercialisation of 360 research products by 2020," he said on MCY, which is a joint initiative between the ministry and Finance Ministry under the National Blue Ocean Strategy (NBOS).

MOSTI'S pavillion is among 400 exhibitions at the seventh edition of IGEM, being held at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) from Oct 5 to 8.

The three products - Trimethylolpropane Ester Innovation, a result of collaboration between Universiti Putra Malaysia and D20 Resources Sdn Bhd; Digital Forest Treebok by Cube Global Sdn Bhd; and SimBionTeA by SIRIM - are among the 71 products.

Abu Bakar hoped that MCY'16 would foster the entrepreneurship culture and raise awareness towards the commercialisation of research and development (R&D).

"With the commercialisation of local R&D, which is innovative and of high quality, it is hoped that it will penetrate overseas market and strengthen Malaysian brands.

"So far, MOSTI has funded researches worth of RM3.5 billion by the local institutions of higher learning. This amount is from the Ninth Malaysia Plan (9MP), 10MP and 11MP," he said.

Abu Bakar said the marketability level of the research products was still moderate, namely between seven and eight per cent of the total commercialised products.

"The problem is not on the products or the research because our researchers are producing good products and researches.

"The problem is that our people (Malaysians) don't want to buy these products. I hope that these products will be well received and will achieve the marketability target of 15 per cent by 2020," he said.

MOSTI has been mandated to lead the MCY as announced by the Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak in Budget 2016 on Oct 23, 2015.

-- BERNAMA



Mosti aims to increase commercialisation of locally made products to 15%



Deputy Minister of the Science, Technology and Innovation Ministry, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah (2ndR) takes a look at a biomass electric generator at the International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference, in KLCC, on Oct 6, 2016. — Bernama

KUALA LUMPUR: The Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) aims to increase the commercialisation of locally-made products to 15% by 2020.

At present, Its deputy minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said, only some eight to nine percent of all products that are produced locally were commercialised and have marketable value.

"Our level is quite average. We hope to commercialise 15% (of our products) by 2020," he told a press conference after officiating three local products at the International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference, here, today.

Abu Bakar said the low number was largely due to the unwillingness of Malaysians to spend on local products.

"Another factor that could hamper the sale or commercialisation of these products is not having someone who is willing to mass produce these goods," he said.

Meanwhile, Abu Bakar said a total of 71 products have been successfully commercialised so far this year, including a palm oil-based trimethylolpropane ester for engine oil, that was launched today.

He said the green synthetic engine oil will help in cleaning and protecting vehicle engines and also reduce environmental pollution.

He added the oil is environmental-friendly, does not contain toxic, can be recycled and easily disposed compared to petroleum-based oils.



71 Produk Penyelidikan Dikomersialkan Sempena MCY'16



Abu Bakar Mohamad Diah mendengar penerangan Pengurus Besar Pusat Penyelidikan Tenaga Diperbaharui (RERC), Ijazunita Iemil ketika melihat model Pusat Biomassa Bersepadu yang boleh menjana tenaga elektrik menggunakan bahan makanan terbuang

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Sebanyak 71 produk hasil penyelidikan oleh penyelidik tempatan di bawah geran TechnoFund berjaya dikomersialkan sehingga September tahun ini, selaras Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 (MCY'16).

Geran TechnoFund itu disediakan di bawah **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)**.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar

Mohammad Diah berkata pencapaian itu melepasi sasaran asal bagi 2016 iaitu 60 produk, dan MCY kini berada pada landasan betul.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas melancarkan tiga produk penyelidikan di pavilion Mosti pada Persidangan dan Pameran Antarabangsa Produk Teknologi Hijau dan Eko Malaysia 2016 (IGEM) di sini hari ini.

"MCY'16 adalah rentetan dari 2014 yang meletakkan sasaran mengkomersialkan 360 produk penyelidikan menjelang 2020," katanya mengenai MCY yang merupakan inisiatif Mosti bersama Kementerian Kewangan di bawah pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Pavilion Mosti adalah antara 400 pameran yang berlangsung pada edisi ketujuh IGEM di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dari 5 hingga 8 Okt.

Tiga produk yang dilancarkan - Inovasi Trimethylolpropane Ester hasil kerjasama Universiti Putra Malaysia dan D20 Resources Sdn Bhd; Digital Forest Treebok oleh Cube Global Sdn Bhd, dan SimBionTeA oleh SIRIM - adalah sebahagian daripada 71 produk tersebut.

Dalam pada itu, Abu Bakar berharap MCY'16 dapat memupuk budaya keusahawanan, meningkatkan kesedaran mengenai pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta impaknya kepada pembangunan negara.

"Dengan pengkomersialan hasil R&D tempatan yang inovatif dan berkualiti tinggi, ia diharap dapat menembusi pasaran luar negara dan memperkukuh jenama Malaysia.

"Mosti setakat ini telah membiayai RM3.5 bilion penyelidikan oleh institusi pengajian tinggi tempatan. Jumlah ini adalah daripada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), RMK10 dan RMK11," jelasnya.

Menurutnya, tahap kebolehpasaran produk penyelidikan itu masih berada pada tahap sederhana iaitu antara tujuh dan lapan peratus daripada jumlah produk yang dikomersialkan.

"Masalahnya bukan pada produk atau penyelidikan dilakukan kerana para penyelidik kita menghasilkan produk dan penyelidikan yang sangat bagus.

"Masalahnya orang kita (rakyat Malaysia) sendiri yang tidak mahu membeli produk-produk ini. Saya harap produk seumpama ini akan mendapat sambutan dan berjaya mencapai sasaran kebolehpasaran 15 peratus menjelang 2020," katanya.

Mosti telah diberi mandat untuk menerajui MCY sebagaimana yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapan Bajet 2016 pada 23 Okt 2015.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 58
TARIKH : 7 OKTOBER 2016 (JUMAAT)



DR Abu Bakar (kanan)
melihat minyak kelapa
sawit sebagai Syntetic
Green Engin Oil.

Produk **inovasi**

■ MOSTI sasar pasar 320 hasil pakar tempatan

Syazwan Msar
mohdsyazwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyasarkan sekurang-kurangnya 320 produk inovasi yang dihasilkan oleh tenaga pakar tempatan akan dipasarkan secara meluas menjelang 2020 nanti.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abdul Bakar Mohamad Diah berkata, menerusi inisiatif berterusan yang dilaksanakan MOSTI dan beberapa kementerian serta agensi lain mampu merealisasikan matlamat berkenaan untuk menjadikan negara ini sebagai antara pengeluar produk berinovasi untuk pasaran tertentu.

Beliau berkata, setiap tahun agensi penyelidikan dan penyelidik universiti menghasilkan sekurang-kurangnya 60 produk berinovasi membabitkan teknologi pembuatan, makanan dan

perubatan.

“Kita ada 25 organisasi termasuk institut penyelidikan, pihak universiti dan agensi pembangunan teknologi yang sudah menyatakan kesediaan untuk menghasilkan inovasi produk untuk memenuhi keperluan tertentu.”

perubahan.

“Sempena Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY’16) yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, MOSTI komited dalam membantu penyelidik dengan menyediakan platform atau menjadi pemudah kepada mereka untuk memasarkan produk masing-masing,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Teknologi Hijau dan Produk Eko Antarabangsa ketujuh (IGEM 2016) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Abu Bakar berkata, setakat ini kementerian sudah membelanjakan lebih RM3 bilion untuk tempoh tiga tahun khusus membantu penyelidik menghasilkan produk inovasi untuk dipasarkan secara meluas.



71 produk tempatan dikomersialkan sehingga Sept.

KUALA LUMPUR 6 Okt. - Sejumlah 71 produk berjaya dikomersialkan sehingga September ini, sekali gus menunjukkan satu tahap pencapaian sihat dalam perkembangan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) di negara ini.



ABU BAKAR MOHAMMAD
DIAH

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar

Mohammad Diah berkata, kesemua produk tersebut berjaya dikomersialkan bersempena Tahun Pengkomersialan Malaysia (MYC'16) yang menjadi tanda aras penting, khususnya bagi membudayakan inovasi R&D tempatan.

Beliau berkata, tiga daripada produk itu dilancarkan secara rasminya pada hari ini sempena Pameran dan Persidangan Teknologi Hijau dan Produk Eko Antarabangsa (IGEM 2016) yang sedang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), selama empat hari bermula semalam.

“Tiga produk tersebut ialah Inovasi Trimethylolpropane Ester (Ester TMP), Digital Forest Treebook dan SimbionTea yang diharap dapat memupuk budaya keusahawanan, meningkatkan kesedaran mengenai pengkomersialan R&D tempatan dan impak positifnya kepada proses pembangunan negara.

“Sasaran untuk menghasilkan 360 produk menjelang tahun 2020 dijamin dicapai kerana kini, kementerian telah berada di landasan tepat untuk merealisasikan,” katanya.

Beliau yang mewakili Menterinya, Datuk Madius Tangau berkata demikian ketika berucap dalam perasmian Booth Pavilion kementerian pada IGEM 2016 di sini hari ini.

Yang turut hadir Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Edisi ketujuh pameran ICGM 2016 bermula pada 5 hingga 8 Oktober ini bakal menghimpunkan lebih 30,000 pengunjung yang terdiri daripada peserta perdagangan dan pelawat awam dari 30 negara yang dilihat amat berpotensi menjana nilai pelaburan serta perniagaan sebanyak RM1.5 bilion.

Pameran dan persidangan tahunan berkonsepkan teknologi hijau itu menyediakan 400 tapak untuk pempamer yang terdiri daripada pelbagai jenis produk serta perkhidmatan mesra alam yang dilihat berpotensi besar untuk berkembang.

Sementara itu, Abu Bakar berkata, kejayaan pengkomersialan produk-produk R&D tempatan ini, secara langsung akan memacu penghasilan pelbagai produk inovatif dan berkualiti tinggi yang menggalakkan lagi pengembangan ekonomi negara, di samping mewujudkan jenama Malaysia yang berupaya meneroka pasaran luar negara.

Menurutnya, sepanjang tahun ini, pihak kementerian menyasarkan sejumlah 150 produk baharu dikomersialkan meliputi pelbagai jenis kegunaan termasuklah untuk keperluan industri mahupun perkhidmatan sokongan yang mesra alam dan boleh dikitar semula.

“Daripada keseluruhan produk berteknologi hijau dan mesra alam yang dikomersialkan itu melibatkan 25 organisasi meliputi pihak agensi dan institut penyelidikan, universiti penyelidikan dan pihak industri terlibat yang secara langsung dalam penciptaan inovasi dan pembangunan teknologi,” katanya. -
UTUSAN ONLINE



71 produk R&D tempatan dikomersilkan sehingga kini



KUALA LUMPUR - Sejumlah 71 produk berjaya dikomersilkan sehingga September 2016 menunjukkan satu perkembangan sihat dalam pencapaian bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) negara.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohammad Diah berkata, kesemua produk berjaya dikomersilkan bersempena Tahun Pengkomersilan Malaysia (MYC'16) itu menjadi tanda aras penting bagi inovasi R&D tempatan.

Beliau berkata, tiga daripada 68 produk tersebut telah dilancarkan secara rasmi pada hari ini sempena IGEM 2016 yang sedang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) bermula semalam sehingga 8 Oktober ini.

"Tiga produk Inovasi Trimethylolpropane Ester (Ester TMP), Digital Forest Treebook dan SimbionTea yang dilancar diharap dapat memupuk budaya keusahawanan, meningkatkan kesedaran mengenai pengkomersilan R&D tempatan dan impaknya kepada proses pembangunan negara.

"Pihak kementerian juga komited sasaran sebanyak 360 produk akan dihasilkan menjelang 2020 dan kami kini berada di landasan tepat untuk mencapainya," katanya ketika merasmikan booth pameran MOSTI di Dewan 5 Pameran IGEM 2016, di sini hari ini. - K! ONLINE

Artikel

Penuh: http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=1006&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt_14.htm#ixz4MMfNMrSi

Hakcipta terpelihara

MBPJ holds event to combat cyber bullying

By VINCENT TAN

vincent.tan@thestar.com.my

THE PJ Boulevard area in Petaling Jaya's Section 52 precinct saw people streaming in throughout Saturday to visit the "Us vs Cyberbullying" event that also had music and dance performances, as well as educational booths set up.

Petaling Jaya mayor Mohd Azizi Mohd Zain, who launched the event, praised the initiative and welcomed Digi's anti-cyberbullying message.

He added that the Petaling Jaya City Council (MBPJ) was also pushing forward cybersecurity in its "Safe City" programme.

Also present at the opening ceremony were DiGi chief executive officer Albern Murty and city council representatives from the anti-cyberbullying campaign's programme partners.

The dignitaries gathered for a "wefie" on stage, before retiring to let dance group EleColdXhot take to

the stage, followed by child beatboxer Sawyer Leong and his partner.

Elsewhere at the Section 52 carpark behind the Lotus Five Star State Cinema, a long line of booths had been erected to teach adults and children on being aware about cyber bullying.

Among the booths set up by government agencies and NGOs at the event were Science, Technology and Innovation Ministry, Protect and Save the Children, Generasi Gemilang and Women: girls.

Albern said the move to educate about cyber bullying, carried out by Digi's parent company Telenor Group, was a worldwide initiative.

With the increase in Internet penetration, he added that cyber bullying was becoming more pervasive.

"Bullying would just end in the school ground for children, but the Internet and social media meant that harassment now followed the victim home," he said.

The booths used various media, from simple games to Nerf toy guns,



Sawyer (right, in white) and his partner wowing the crowd with his beatboxing skills.

to teach about harmful phrases, how to recognise cyber bullying, and how those confronted by online harassment could address and prevent the issue.

One of the main draws was the 4.30pm performance by local pop veterans KRU, which had the evening attendees flocking to the main stage.


Digi head of communications and sustainability Quah Yean Nie added that over the years, the telco provider had worked with its partners in the Communication and Multimedia Ministry, Malaysian

Communications And Multimedia Commission (MCMC), police and Cybersecurity Malaysia to help children and educators equip themselves with ways to stay safe online through workshops and other educational engagements.

"The purpose of this gathering is therefore to create a platform where people from all walks of life come together to learn about cyberbullying with friends and families," she added.

For more information on the Digi CyberSAFE programme, visit www.digi.com.my/digicybersafe

KERATAN AKHBAR
KOSMO (VARIA K2) : MUKA SURAT 26
TARIKH : 7 OKTOBER 2016 (JUMAAT)



PROGRAM berkaitan angkasa perlu dijalankan dengan lebih giat. – Gambar hiasan

Kenali teknologi angkasa

ANGKASA memainkan peranan tersendiri terhadap pergerakan seluruh alam semesta.

Sebagai menghargai peranan angkasa, Planetarium Negara menganjurkan Minggu Angkasa Sedunia yang merupakan sambutan global mengenai sains dan teknologi angkasa serta sumbangannya terhadap kemajuan manusia sejagat.

Program itu diadakan bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat mengenai kepentingan aplikasi teknologi angkasa dalam kehidupan seharian, di samping mendidik serta merangsang generasi muda lebih memahami mengenai sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.

Lebih menarik lagi, penyertaan program adalah percuma.

INFO

- **Tempat:** Planetarium Negara, Jalan Perdana, Kuala Lumpur
- **Tarikh:** 4 hingga 10 Oktober 2016
- **Masa:** 10 pagi hingga 4.30 petang
- **Telefon:** 03-2273 4301
- **Laman web:** www.planetariumnegara.gov.my